

MAHATHIR-PETANI

100

80 (P)
KUALA LUMPUR, 26 JAN. (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SESIAPA YANG DIDAPATI BERSALAH PENCETUSKAN DEMONSTRASI DI ALOR SETAR RABU LALU, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD) HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN MEMANDANG BERAT TERHADAP SEBARANG TUNJUK PERASAAN DAN JUGA MEREKA YANG MENGHASUT ORANG RAMAI SUPAYA MENGADAKAN DEMONSTRASI.

BELIAU MEMBERI AMARAN ITU KETIKA MENGULAS KEJADIAN TUNJUK PERASAAN OLEH BERIBU-RIBU PENANAM PADI KEDAH DI WISMA NEGERI TIGA HARI LALU BAGI MENUNTUT KENAIKAN HARGA PADI KEPADA \$40 SEPIKUL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN MEMBERITAHU PARA PEMERITA SELEPAS MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI PUSAT PERDAGANGAN EKSPORT MALAYSIA DI SINI BAHAWA SIASATAN SEDANG DIJALANKAN SEKARANG MENGENAI KEGIATAN TUNJUK PERASAAN ITU.

BELIAU SETUJU DENGAN KENYATAAN MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN DAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATUK ABDUL MANAN OTHMAN BAHAWA DEMONSTRASI ITU BERLAKU AKIBAT HASUTAN DARI PIHAK TERTENTU UNTUK TUJUAN POLITIK.

BELIAU ENGGAN MENYEBUT SAMA ADA PARTI POLITIK TERTENTU BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP KEJADIAN ITU TETAPI SEKADAR MENGESAHKAN BAHAWA +PENGANJUR DEMONSTRASI ITU SUDAH TENTU BUKAN ORANG UMNO KERANA KAMI TAHU SIAPA AHLI-AHLI UMNO.+ -- BERSAMBUNG

4700 / VE

MAHATHIR-PETANI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR SAMBIL MENYATAKAN KESAL TERHADAP KEJADIAN ITU HAIRAN MENGAPA PARA PENANAM PADI DI KEDAH MEMILIH JALAN SECARA TUNJUK PERASAAN JIKA MEREKA BENAR-BENAR TIDAK PUAS HATI DENGAN HARGA PADI SEBANYAK \$32 SEPIKUL SERTA PEMBAYARAN SUBSIDI \$2 SECARA KUPON BAGI SETIAP PIKUL.

+JIKALAU MEREKA TIDAK PUAS HATI ADA JALAN LAIN UNTUK MEMBUAT ADUAN DAN KERAJAAN SUDAH TENTU AKAN MENDENGAR RAYUAN MEREKA,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, PARA PENANAM PADI DI KAWASAN PENGAIRAN MUDA HARUS SEDAR BAHAWA MEREKA LEBIH MEWAH DARIPADA RAKAN-RAKAN MEREKA DI NEGERI LAIN YANG MENGAMALKAN TANAMAN PADI SEKALI SETAHUN.

SEBAGAI SEORANG DOKTOR SAYA PERNAH BERSAMA-SAMA DENGAN PENANAM PADI DI KEDAH DAN SAYA TAHU BAHAWA MEREKA BENAR-BENAR LEBIH MEWAH DARI PARA PETANI LAIN,+ KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENERANGKAN KERAJAAN MEMBELANJAKAN \$400 JUTA BAGI 200,000 PENANAM PADI DI KAWASAN PERAIRAN MUDA DAN JIKALAU DIPERHITUNGGAN INI ADALAH SATU NILAI YANG BESAR.

— BERSAMBUNG 1713/YF

MAHATHIR-PETANI 3 KUALA LUMPUR

TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR, KERAJAAN MENGADAKAN BERBAGAI BANTUAN BAGI MENAIKKAN TARAF HIDUP PARA PENANAM PADI DAN INI TIDAK TERMASUK KENAIKAN HARGA PADI \$5 SEPIKUL SEBAGAI MENUNAIKAN JANJI YANG DIBUAT SEMASA PILIHANRAYA LALU.

KATANYA, SEJUMLAH BESAR SUBSIDI TELAH DIKELUARKAN DALAM BENTUK BAJA, BENTENG UNTUK MENGUKUHKAN SAWAH, PEMBINAAN JALAN-JALAN RAYA DAN BUKU SEKOLAH PERCUMA BAGI ANAK-ANAK MEREKA.

JIKA DINILAIKAN SEGALA BANTUAN ITU, PARA PENANAM PADI MENDAPAT FAEDAH YANG SAMA SEPERTI MENDAPAT SATU EKAR TANAH PADI BAGI SETIAP EKAR PADI YANG DITANAM -- SEMUA INI SECARA PERCUMA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP MEREKA AKAN SEDAR BAHAWA PEMBAYARAN SUBSIDI \$2 SECARA KUPON ITU DIBUAT SEMATA-MATA UNTUK FAEDAH MEREKA DAN DIPERSETUJUI OLEH WAKIL PERSATUAN PELADANG SEBELUM DILAKSANAKAN.

JELASNYA, DENGAN MENGELUARKAN KUPON DI ATAS NAMA PARA PENANAM PADI BERKENAAN AKAN MENGELAKKAN MEREKA DITIPU OLEH AJEN-AJEN YANG MEMBELI PADI ATAU PARA PENGILANG YANG MUNGKIN HENDAK MENGAUT KEUNTUNGAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN AKAN MENGAJUI PERATURAN BAGI MEMBOLEHKAN KUPON ITU DITEBUS SEBAGAI WANG TUPAI TANPA MEMAKAN MASA. --
BERNAMA 1718/YF